

22 MAR 1998

Anwar-Taiwan

TAIWAN BERMINAT DENGAN SEKTOR PERBANKAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Syarikat pelaburan terbesar di Taiwan, China Development Corporation (CDC) sedang mengkaji untuk melabur di sektor perbankan Malaysia.

Perkara itu dibangkitkan di mesyuarat antara delegasi CDC yang diketuai oleh pengerusinya Dr Liu Tai-Ying dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di sini, hari ini.

Mereka juga membincangkan bidang-bidang pelaburan khusus oleh CDC dalam senario kelembapan ekonomi di rantau ini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan memberitahu pemberita yang beliau gembira dengan pertemuan itu dan mereka membincangkan "cadangan spesifik bagi pelaburan."

"Ia bukan perbincangan umum tetapi cadangan-cadangan khusus pelaburan. Mereka telah membuat keputusan mengenai bidang-bidang khusus, industri, perkilangan dan sektor kewangan yang mereka akan ceburi," katanya.

Apabila ditemui kemudian, Liu berkata beliau telah membincangkan dengan Anwar isu peliberalan ekuiti asing di sektor perbankan Malaysia.

"Beliau berjanji cadangan pelaburan akan dikaji atas dasar kes demi kes," kata Liu yang menamatkan lawatan tiga hari ke negara ini hari ini.

Buat masa ini, ekuiti asing di bank-bank Malaysia dihadkan kepada 30 peratus.

Delegasi CDC itu berada dalam misi pelaburan ke rantau ini. CDC dilaporkan akan melabur AS\$300 juta di Thailand, Indonesia, Malaysia dan Filipina.

Liu, bagaimanapun enggan menyatakan jumlah pelaburan tambahan negara itu di Malaysia dan negara-negara lain. Indonesia dan Thailand buat masa ini menerima bantuan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Liu berkata, Taiwan menganggap Malaysia mempunyai antara persekitaran pelaburan yang terbaik di rantau ini.

Beliau berkata, bidang-bidang pelaburan lain yang sedang diteliti oleh CDC ialah industri teknologi tinggi dan yang berkaitan dengan penjaan tenaga.

Pada Jumaat lepas, CDC dan RHB Sakura Merchant Bankers Bhd bersetuju menubuhkan perniagaan modal teroka bertujuan menyediakan sumber kewangan alternatif bagi syarikat-syarikat teknologi tinggi, termasuk mereka yang melabur di Koridor Raya Multimedia (MSC).

CDC merupakan entiti yang diasaskan pada 1959 oleh Bank Dunia, Morgan Guarantee Ltd dan kerajaan Taiwan untuk mengembangkan sektor swasta negara itu.

Ia mempunyai modal pasaran lebih AS\$8.5 bilion dan kini menguruskan lebih kurang AS1\$ bilion pelaburan terus dengan lebih 240 pelabur.

Semasa lawatan peribadi Naib Presiden Taiwan Lien Chan ke sini, awal bulan ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Taiwan berupaya membantu negara-negara Asean mengatasi krisis kewangan mereka. --

BERNAMA

RAZ PR